

BAB 3 : GERAKAN NASIONALISME AKTIF : *MASONRY*, BONIFACIO, DAN KATIPUNAN

3.1 Peranan *Masonry* Ke arah Perjuangan Aktif

Peristiwa penahanan Jose Rizal telah menamatkan era nasionalisme pasif di Filipina dan telah membawa kepada perjuangan bercorak aktif.¹ Pertubuhan *masonry*, yang telah wujud lebih awal mula menonjolkan diri dengan kegiatan-kegiatannya yang berbentuk radikal pada tahap ini. Sebelum penahanan Rizal, pertubuhan ini tidaklah begitu aktif dalam menjalankan kegiatannya. Selepas penahanan Rizal pertubuhan ini semakin lantang dengan sifat-sifatnya yang radikal. Dengan ini dapat dikatakan, *masonry* telah membuka jalan kepada perkembangan nasionalisme aktif dan bersifat revolusi. Filipina mewarisi idea masonik dari Sepanyol. Pertubuhan *masonry* di Sepanyol dan Filipina pula disyaki telah mencetuskan idea revolusionari.²

Masonry atau *freemasonry* merupakan sebuah organisasi atau persatuan di kalangan pekerja seni pertukangan batu pada zaman pertengahan (abad 5 –15) yang berasal dari England. Mereka terlibat dalam pengukiran batu dalam pembinaan bangunan gereja dan istana.³ Setiap mason diwajibkan untuk merahsiakan seni kemahiran yang mereka peroleh kerana untuk melindungi dan mempertahankan kepakaran membina gereja daripada pengetahuan umum.⁴ Ekoran daripada amalan untuk merahsiakan ini, lama kelamaan

¹ Perjuangan golongan *ilustrado* gagal membawa sebarang perubahan di Filipina. Setelah terbukti gagalnya gerakan pembaruan, muncul sekumpulan orang dari kalangan golongan massa dibawah pimpinan Andres Bonifacio yang telah hilang keyakinan terhadap Sepanyol dan perjuangan golongan *ilustrado*. Dengan itu golongan massa bertindak secara radikal untuk mendapatkan pemisahan mutlak dari Sepanyol.

² Cesar Adib Majul, *Apolinario Mabini, Revolutionary*, Manila : National Historical Commission, 1970, hlm. 35.

³ Pekerja ini dipanggil sebagai *mason* atau *freemason*. Mereka menubuhkan organisasi untuk tujuan perniagaan atau sebagai alat untuk komunikasi sesuatu ilmu atau rahsia seni pertukangan. Mereka bekerja dalam kumpulan yang besar di bawah seorang ketua yang dipanggil sebagai *Master Mason*. Sila rujuk Douglas Knoop and G.P. Jones, *An Introduction To Freemasonry*, England: Manchester University Press, 1937, hlm. 10, William A. Muraskin, *Middle Class Blacks in a White Society*, Berkeley : University of California Press, 1975, hlm. 20, William J. Whalen, *Christianity and American Freemasonry*, United States of America : The Bruce Publishing Company, 1958, hlm. 15.

⁴ Vicomte Leon De Poncius, *Freemasonry and the Vatican, A Struggle for Recognition*, {terjemahan Timothy Tindal-Robertson}, London : Britons Publishing Company, 1968, hlm. 41.

muncul banyak pertubuhan-pertubuhan *masonry* di England yang dikenali sebagai Lodge-lodge *masonry*. Tetapi mulai dari abad ke 18, *masonry* telah berubah menjadi sebuah persatuan yang mempunyai unsur falsafah, agama dan bukan berunsur politik.⁵ *Freemasonry* menekankan sifat belas kasihan sesama manusia, berperikemanusiaan, progresif, kebenaran, nilai-nilai moral dan menjadi warganegara yang setia. *masonry* menekankan hubungan persaudaraan sejagat dan akan membela dan memperjuangkan serta mempertahankan ahli-ahli dari sebarang ketidakadilan.⁶ Oleh sebab *masonry* menekankan hubungan persaudaraan sejagat dan juga mengamalkan upacara yang gilang-gemilang, ciri-ciri ini menarik minat orang ramai untuk menyertai *masonry*.⁷

Masonry yang berasal dari England ini seterusnya tersebar ke seluruh Eropah dan Amerika.⁸ Di Eropah pula, *masonry* banyak mempersoalkan kedudukan agama dalam masyarakat dan memperjuangkan pembaharuan agama. Dengan itu adalah tidak menghairankan sekiranya golongan agama tidak menyenangi perkembangan *masonry*.⁹ Gereja katolik melarang penganutnya menyertai *masonry*. Sekiranya didapati penganut katolik menyertai *masonry*, mereka akan disingkirkan daripada semua urusan upacara

⁵ Selepas era Reformation di Eropah, permintaan untuk pembinaan gereja Katolik mengalami kemerosotan. Lantaran daripada kemerosotan peranan tradisional ini, *masonry* mula menerima ahli-ahli daripada kalangan bukan pekerja semata-mata untuk menyokong keahlian yang semakin berkurangan. Dengan kemasukan ahli bukan pekerja, lama kelamaan ahli bukan pekerja tersebut mengambil-alih lodge-lodge *masonry* yang sudah mengalami kemerosotan. Mereka membangunkannya kepada satu sistem *masonry* spekulatif moden yang wujud pada masa kini yang tiada kaitan dengan kerja-kerja mekanikal. Dengan kemasukan ahli bukan pekerja ke dalam lodge operatif,³ ia menandakan titik perubahan dalam status lodge asal.⁵ *Masonry* berbentuk moden yang pertama bermula pada 24 Jun 1717 apabila empat daripada lodge *masonry* bergabung dan mengasaskan Grand Lodge di London. Lima tahun kemudian sebuah buku perlembagaan telah dibentuk untuk panduan ahli-ahli mason dan bukan mason. Dengan perubahan dalam taraf *masonry*, idea masonik tersebar dengan meluas ke merata tempat. Lama-kelamaan bilangan lodge semakin bertambah di England. Sila rujuk Vicomte Leon De Poncius, *op.cit.*, hlm. 41, Paul W. Van der Veur, *Freemasonry in Indonesia from Radermacher to Soekarno, 1762-1961*, Ohio University, Center for International Studies, 1976, hlm. 2, J.M. Roberts, *The Mythology of the Secret Societies*, London : Martin Secker & Warburg Limited, 1972, hlm. 21.

⁶ Vicomte Leon De Poncius, *op.cit.*, hlm. 44.

⁷ Lorman Ratner, *Antimasonry : The Crusade and the Party*, Englewood Cliffs: Prentice-Hall, Inc., 1977, hlm.3.

⁸ Pada awal abad ke 18 dan awal abad ke 19, banyak lodge didaftar dengan pelbagai nama seperti Voltaire, Diderat dan Lafayette di Perancis; Mozart, Haydn, Schiller, dan Goethe di Austria dan Jerman; Walter Scott, Robert Burns, dan Lord Byron di England; Franklin, Hamilton, Madison, Monroe dan Washington di Amerika. Secara umum terdapat dua tradisi *masonry* yang utama iaitu Anglo-Saxon *masonry* terdiri daripada England, Scotland, Amerika Syarikat, Belanda dan negeri Scandinavia manakala Grand Orient pula terdiri daripada Perancis, Sepanyol, Itali dan Amerika Selatan. Sila rujuk Paul W. Van der Veur, *op.cit.*, hlm. 21 dan William J. Whalen, *op.cit.*, hlm. 17.

⁹ Perkembangan *freemasonry* ini tidak disenangi dan ditentang oleh golongan katolik, protestant, Islam dan kerajaan-kerajaan lain di seluruh dunia. Misalnya gereja katolik mengecam *masonry* sebagai alat untuk golongan atheis dan bersifat revolusioner yang boleh mengugat kedudukan pihak gereja dan kerajaan. Sila rujuk Vicomte Leon De Poncius, *op.cit.*, hlm. 3 dan Lorman Ratner, *op.cit.*, hlm. 3.

keagamaan.¹⁰ Dari segi politik, *masonry* dikatakan telah memainkan peranan penting dalam Revolusi Perancis 1789,¹¹ yang menjadi sumber inspirasi ke seluruh dunia.

3.2 Perkembangan Idea *Masonry* di Kalangan Orang Filipina

Perkembangan *masonry* di Filipina berhubung rapat dengan negara yang menjajahnya iaitu Sepanyol, yang sebelum itu telah dipengaruhi oleh Revolusi Perancis.¹² Di Sepanyol *freemasonry* telah wujud sejak tahun 1750. Menurut Alcalá Galiano, pada tahun 1817 walaupun *freemasonry* Sepanyol belum bersedia untuk menentang kerajaan, namun ramai pendokong idea liberalisme dan penentang-penentang rejim Sepanyol mula menjadi mason.¹³ Dengan itu idea liberalisme berkembang di kalangan ahli-ahli mason. Pengaruh *masonry* di Sepanyol juga dapat dilihat apabila pada tahun 1819 mason-mason khususnya dari kawasan Seville dan Cadiz telah berkumpul untuk melibatkan diri dalam revolusi di Amerika.¹⁴ Kesimpulannya, idea *masonry* yang muncul di Filipina bolehlah dikatakan dibawa dari Sepanyol.

Idea *masonry* di kalangan orang Filipina bermula daripada penglibatan pelajar-pelajar Filipina yang berada di Sepanyol. Kebencian terhadap golongan pentadbir Sepanyol dan penindasan golongan paderi Sepanyol ke atas masyarakat Filipina telah mendorong

¹⁰ William J. Whalen, *op.cit.*, hlm. 1.

¹¹ Menurut Gaston Martin, *freemasonry* telah terlibat dalam penghasilan dan penghuraian dan penyebaran doktrin revolusi dan terlibat secara aktif dalam revolusi. Dari tahun 1773-1788 *freemasonry* telah bekerja kuat bersama ahli falsafah untuk menghasilkan doktrin revolusi dan berjuang untuk merealisasikan doktrin revolusi di Perancis iaitu sehingga berjaya menggulingkan sistem beraja dan menegakkan kerajaan oleh rakyat. Dengan ini didapati bahawa *masonry* bekerja keras dalam berkempen dan memberi sokongan yang padu kepada idea revolusi.

¹² *Masonry* Sepanyol seperti *masonry* Perancis telah menyebarkan idea *Enlightenment*, liberalisme, republik dan idea revolusi. *Masonry* Perancis telah berjaya memperjuangkan prinsip *Enlightenment* dan telah berjaya menegakkan prinsip demokrasi dan republicanism di Perancis pada penghujung abad ke 18. Pada penghujung abad ke 19, *masonry* Sepanyol masih memperjuangkan prinsip *Enlightenment* walaupun ia telah seratus tahun dahulu telah diperjuangkan oleh Perancis. Dengan sebab itulah pada penghujung abad ke 19 di Filipina, akibat daripada perhubungan antara Sepanyol dan *masonry* Filipina ketika itu telah mendorong sebilangan golongan *ilustrado* menggunakan prinsip politik yang telah diperjuangkan oleh Perancis kira-kira seratus tahun dahulu (1789). Sila rujuk Cesar Adib Majul, *Mabini and The Philippine Revolution*, Quezon City : University of the Philippines, 1960, hlm. 97.

¹³ Rafael Altamira, *A History of Spain*, {terjemahan Muna Lee}, New York : D. Van Nostrand Company, Inc., 1949, hlm. 540.

¹⁴ *Ibid.*

orang-orang Filipina menyertai *masonry*. Kebanyakan orang Filipina yang terpelajar merasa tidak puas hati dengan ketidakadilan dan korupsi yang wujud dalam Gereja Katolik telah pergi mencari ketenangan dengan menyertai gerakan *masonry*. Antaranya adalah seperti del Pilar, Jose Rizal dan Lopez Jaena. Minat mereka untuk menyertai *masonry* timbul daripada hubungan yang rapat dengan ahli-ahli mason Sepanyol.¹⁵ Mengapa gerakan nasionalisme dipelopori oleh golongan *ilustrado*? Dalam mana-mana masyarakat, biasanya golongan yang bijak pandai akan lebih sensitif atau peka kepada diskriminasi sosial dan mereka yang dapat merasakan kekecewaan akibat gagal memperjuangkan hak mereka. Dengan sebab itu, pelajar-pelajar Filipina di Eropah khususnya di Sepanyol menyertai *masonry*. Di samping itu penyertaan ke dalam *masonry* adalah untuk menaikkan status sosial agar dapat mengelakkan perbezaan kelas sosial di Eropah.¹⁶ Dengan sebab itu juga orang Filipina menyertai *masonry* agar dapat mengadakan perhubungan rapat dengan orang Eropah. Dengan ini tidak dapat dinafikan hampir semua pemimpin nasionalis Filipina merupakan seorang mason pada satu ketika dalam perjuangan.¹⁷

Pada peringkat awal *masonry* telah memberi sokongan kepada perjuangan golongan propagandis yang menuntut Filipina sebagai salah satu provinsi dalam Sepanyol. Untuk itu, *masonry* telah memberi bantuan kewangan untuk membiayai kegiatan propaganda tersebut di Sepanyol.¹⁸ Tetapi dua dekad terakhir abad ke 19, peranan *masonry* dengan jelas menunjukkan penentangan terhadap penjajahan dan mendesak pemisahan mutlak Filipina daripada penjajahan Sepanyol.¹⁹ Dengan itu elok ditinjau sejauhmana peranan yang dimainkan oleh *masonry* dalam perkembangan nasionalisme di Filipina.

¹⁵ Usha Mahajani, *op.cit.*, hlm. 59.

¹⁶ William A Muraskin, *op.cit.*, hlm. 23.

¹⁷ John N. Schumacher, *The Filipino Nationalists Propaganda Campaign in Europe 1880-95*, *op.cit.*, hlm. 357.

¹⁸ Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, *op.cit.*, hlm. 152.

¹⁹ John N. Schumacher, *The Filipino Nationalists Propaganda Campaign in Europe 1880-95*, *op.cit.*, hlm. 357.

Menurut Jose Arcilla, peranan dan pengaruh *masonry* di Filipina dapat dilihat sejak peristiwa Pemberontakan Cavite 1872 lagi.²⁰ Yakni, selain daripada orang Filipina dan golongan paderi Sepanyol disyaki sebagai punca tercetusnya Pemberontakan Cavite, kumpulan *masonry* antarabangsa juga dikatakan menjadi antara punca insiden tersebut.²¹ Sesungguhnya adalah menjadi tanggungjawab mason antarabangsa untuk melibatkan diri dalam menangani apa-apa ketidakadilan dan penglibatan dalam hal-ehwal Filipina juga adalah atas dasar yang sama. Kenyataan akhbar *London and China Express* bertarikh 22 Mac 1872 dapat menjelaskan keadaan tersebut.

“As they tell us from Madrid the conspiracy was really aimed at completely liberating the islands.... All the residents, both civilians and military, know the Spanish government is purely and simply despotic... . The power of Spain to govern distant colonies has gone never to return.”²²

Dengan kenyataan ini didapati bahawa, *masonry* memainkan peranan penting untuk membebaskan sesiapa sahaja yang mengalami penindasan dan penganiayaan. Kenyataan ini ada persamaan dengan pendapat Plaridal dalam sebuah majalah berkala reformis di Madrid seperti berikut:

“*Masonry* will exist as long as there is tyranny, for *masonry* is but an organized protest of the oppressed. And tyranny will prevail in the Philippines as long as the government remains, as it is, in the hands of the friars, at the service of their interests. For that reason tyranny in the Philippines is synonymous with oligarchy of the friars, and to fight against tyranny is to fight against the friars.”²³

Ini memberi gambaran kebencian golongan *masonry* terhadap golongan paderi Sepanyol²⁴ dan mereka berjuang menentang penindasan tersebut. Di sini juga jelas bahawa

²⁰ Sebelum tahun 1872, terdapat orang Filipina menubuhkan lodge *masonry* di daerah Pandacan, Manila, tetapi selepas pemberontakan Cavite 1872, ahli-ahli tersebut telah ditangkap dan dibuang negeri. Pada masa ini, dikatakan golongan paderi selalu bertindak sebagai detektif kepada pegawai Sepanyol, telah menangkap ahli-ahli yang dicurigai dan dibuang negeri tanpa sebarang percabaran.

²¹ Jose S. Arcilla, Rizal and the Emergence of the Philippine Nation, *op.cit.*, hlm. 176-180.

²² *Ibid.*, hlm. 179.

²³ Leopoldo Y. Yabes, *op.cit.*, hlm. 76.

²⁴ Paderi Sepanyol juga digelar sebagai friar.

penentangan orang Filipina bukan sahaja tertumpu kepada pentadbiran pegawai Sepanyol malah termasuk golongan paderi Sepanyol yang mendominasi kebanyakan sektor dalam pentadbiran di Filipina.

Mengikut laporan tidak rasmi British, lodge *masonry* yang awal dikatakan telah wujud pada masa pendudukan British di Manila di antara tahun 1762-1764.²⁵ Namun kewujudan *masonry* yang sebenar dianggarkan pada pertengahan tahun 1850an, yang ditubuhkan di kalangan tentera Sepanyol dan para pedagang asing di Filipina. Pada tahun 1854, dikatakan seorang doktor Sepanyol Marino Marti bersama beberapa orang asing telah mengasaskan lodge di beberapa tempat di Kepulauan Filipina.²⁶ Namun pertubuhan *masonry* pertama yang lebih stabil diasaskan pada 1856 oleh pegawai tentera laut Sepanyol, Jose Malcampo dan Mendoza Nenez di Cavite. Ia dikenali sebagai "*Primera Luz Filipina*" (First Filipino Light). Keahliannya dikhaskan kepada rakyat Sepanyol sahaja untuk mengeratkan pertalian persahabatan di kalangan mereka. Dengan penutupan keahlian kepada orang Filipina, pertubuhan-pertubuhan *masonry* awal tidak mempunyai pengaruh ke atas kehidupan politik dan intelektual rakyat tempatan. Pada tahun 1874, *Gran Oriente de Espana* telah mengorganisasi semula lodge *masonry* Filipina dan masih kesemua ahlinya terdiri daripada orang Sepanyol sahaja. Pada 1 April 1889 sebilangan orang-orang Filipina di Sepanyol telah menubuhkan lodge *masonry* mereka sendiri dengan gelaran "Revolucion". Ahli-ahli terdiri daripada Celso Mir Deas,²⁷ Lopez Jaena, Mariano Ponce, del Pilar, Jose Ma. Panganiban dan termasuk dua orang Cuba iaitu Juan Jose Canarte dan Justo Argudin.²⁸ Walaupun ahli bertambah, tetapi mulai November hanya tinggal Lopez

²⁵ John N. Schumacher, *The Filipino Nationalists Propaganda Campaign in Europe 1880-95*, *op.cit.*, hlm.. 358.

²⁶ Antonio Molina, *The Philippines Through the Centuries*, Vol. II, Manila : UST Cooperative, 1961, hlm. 284.

²⁷ Celso Mir Deas - Seorang pegawai Sepanyol yang berkahwin dengan orang Filipina.

²⁸ Jose S. Arcilla, *An Introduction to Philippine History*, *op.cit.*, hlm. 97.

Jaena di lodge itu. Dengan ketiadaan ahli, lodge ini sudah menunjukkan tanda-tanda untuk dibubarkan.

Orang Filipina dilarang menyertai *masonry* kerana dikhuatiri mereka akan memulakan aktiviti pemisahan dari Sepanyol.

“Although it seemed thus that *freemasonry* was now to be opened to Filipinos, yet Governor General Malcampo’ himself, paradoxically, insisted that the delegate of the Spanish Grand Orient here eliminate Filipinos from the lodge, for fear that they start separatist activities.”²⁹

Hanya setelah orang Filipina yang terpelajar kembali dari Sepanyol pada tahun 1891 lodge *masonry* dianggotai oleh orang Filipina. Mereka terpengaruh dengan idea *masonry* sejak di Sepanyol lagi.³⁰ Lama kelamaan orang Filipina dibenarkan untuk mendirikan lodge di negara mereka sendiri. Seorang mason Sepanyol Don Miguel Morayta telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan idea masonik iaitu *liberty, equality* dan *fraternity* dan bertanggungjawab dalam mengasaskan *masonry* di Filipina.³¹ Pembukaan *masonry-masonry* di Filipina juga dibantu oleh kelonggaran yang diberikan oleh pihak Sepanyol.³²

²⁹ Antonio Molina, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 336.

³⁰ Di Sepanyol pelajar-pelajar Filipina bebas menyertai *masonry* kerana di situ tiada halangan dari segi kaum. Orang Filipina yang pertama menyertai *masonry* di Sepanyol ialah Rafael del Pan. Ayahnya Jose Felipe, seorang pembantu paderi di Filipina dan merupakan penerbit akhbar harian Manila, *La Oceania Espanola*. Ayah del Pan merupakan salah seorang ahli dalam lodge *masonry* di Manila. Pengaruh daripada ayahnya ini mungkin mendorong del Pan yang pergi belajar di Sepanyol, menjadi pelajar pertama yang menyertai *masonry* di Madrid. Dan Rafael del Pan dikatakan salah seorang daripada di antara yang mengasaskan lodge “Solidaridad” pada tahun 1886. Lodge *masonry* ini menerima orang-orang Cuba dan Puerto Rico. Tetapi sejak 1887, ahli-ahli telah keluar dan menyertai lain-lain lodge *masonry*. Sila rujuk John N. Schumacher, *The Filipino Nationalists Propaganda Campaign in Europe 1880-1895*, *op.cit.*, hlm. 361-362 dan Jose S. Arcilla, *An Introduction to the Philippine History*, *op.cit.*, hlm. 96.

³¹ Exhibit 9, “Report Upon the Insurrection Against Spain” by Olegario Diaz, bertarikh 28 Oktober 1896, {terjemahan daripada El Archivo del Bibliofilo Filipino}, P.L.R., (n.p.), Madrid, 1897.

³² Pada masa itu, di Sepanyol tidak ada sebarang bantahan untuk menubuhkan *masonry*. Dengan kesempatan itu, del Pilar telah menghantar petisyen memohon kebenaran kepada Don Miguel Morayta iaitu seorang mason berpengaruh pada masa itu, memberikan perlindungan kepada ahli-ahli *masonry*. Morayta merupakan presiden Spanish-Filipino Association dan merangkap ketua *Gran Oriente Espanol*. Sila rujuk Maximo M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 42.

Hubungan *masonry* Filipina dan Sepanyol juga nyata apabila pada 10 Oktober 1890, *Gran Lodge* di Sepanyol telah mengarahkan semua mason di Sepanyol agar memujuk senator dan wakil Sepanyol untuk berjuang bagi pihak orang Filipina untuk mendapatkan perwakilan dalam parlimen.³³ Akhbar *Gran Oriente Espanol* bersama mason-mason Filipina telah bersatu dalam menuntut perwakilan Filipina dalam *Cortes* Sepanyol.³⁴ Dalam keadaan ini, lodge *masonry* juga dikatakan menjadi sebagai pusat propaganda di Sepanyol bagi pembaruan di Filipina.

“The Filipino masonic lodges, therefore, became the focus of propaganda activities in Spain and were responsible for welding together the irreconcilable elements who, in some instances, came dangerously close to strife that would have been fatal to the Philippine cause.”³⁵

Pada Disember 1889, del Pilar telah berusaha untuk menghidupkan Lodge “*Solidaridad*”. Pada tahun 1890, lodge *La Solidaridad* telah ditubuhkan dan antara ahlinya adalah Jose Rizal dan Lopez Jaena.³⁶ Akhbar *La Solidaridad* diterbitkan di Madrid dan diumumkan sebagai saluran bagi *masonry* Filipina. Di samping itu, keadaan politik dan masalah sosial orang Filipina sering didedahkan dalam akhbar *La Solidaridad* oleh Rizal, del Pilar dan lain-lain propagandis. Mereka menuntut perwakilan dalam *Cortes*, kebebasan akhbar dan berpersatuan, kerajaan sendiri di peringkat perbandaran di Filipina.³⁷ Namun perjuangan di Sepanyol ini tidak mencukupi, kerana kempen perjuangan mereka perlu disebar ke Filipina. Dengan itu, del Pilar dan Rizal telah mencadangkan penubuhan lodge di Filipina dan untuk itu mason Pedro Serrano Laktaw telah dihantar untuk mengorganisasi *masonry* di Filipina. Dengan ketibaan Serrano Laktaw, lodge Nilad

³³ *Ibid.*, hlm. 42.

³⁴ Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses : The Story of Bonifacio and the Katipunan*, Quezon City: University of the Philippines, 1956, hlm. 33.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Exhibit 9, P.I.R. , *op.cit.*

pertama telah diasaskan di Manila pada 6 Januari 1891. Pada 10 Mac 1892 lodge ini telah diiktiraf dan dilantik sebagai “*mother lodge*”³⁸ oleh *Gran Oriente Espanol* untuk menubuhkan cawangan-cawangan yang lain di Filipina.³⁹

Kebanyakan ahli-ahli *masonry* terdiri daripada golongan intelek dan kelas pertengahan Filipina. Mereka sentiasa berhati-hati dalam menuntut kebebasan kerana setiap langkah dan pergerakan mereka sentiasa diawasi oleh Sepanyol. Dalam mesyuarat mason-mason Filipina telah menggariskan masalah orang Filipina. Mereka mahukan kebebasan, sistem pemerintahan demokrasi, kuasa ekonomi yang sebenar, hak asasi, kerajaan dan pentadbiran yang baik.⁴⁰

Keberanian jawatankuasa masonik dan keikhlasan mereka tersebar luas dan mendapat perhatian dan sambutan di kalangan orang Filipina. Dengan itu banyak cawangan-cawangan dibuka di merata tempat di Filipina. Sehingga Mei 1893 lodge mason telah meningkat kepada 35 buah dan 9 daripadanya terdapat di Manila.⁴¹

Namun pada peringkat awal, *masonry* hanyalah berperanan sebagai alat propaganda. Ia tidak berniat untuk dijadikan sebagai persatuan politik. Ini dapat dibuktikan melalui surat Marcelo H. del Pilar kepada Juan Zulueta;

“The Peninsular *masonry* is a means of propaganda for us. If the Masons there (in the Philippines) pretend to make *masonry* an organ of action for our ideals, they make a very bad mistake. What is needed is a special organization devoted especially to the filipino cause; and although its members, or some of them, may be Masons they must not depend upon *masonry*.”⁴²

³⁸ *mother lodge* – bertindak sebagai lodge utama dan berada dalam hieraki paling atas sekali.

³⁹ Maximo M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 43.

⁴⁰ Tuntutan *masonry* tersebut dapat dilihat dalam lampiran 1. (lihat Lampiran 1).

⁴¹ Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, *op.cit.*, hlm. 35.

⁴² *Ibid.*

Walaupun pada peringkat awal, pentadbir Sepanyol berdiam diri, perkembangan pesat pengaruh *masonry* mula dikesan oleh pihak Sepanyol. Salah satu laporan kabel daripada seorang setiausaha kolonial kepada Gabenor Jeneral di Madrid berbunyi seperti berikut;

April 4, 1895

“There is alarm here about separatist work by means of Masonic propaganda in the Philippines which excludes Spaniards and are exclusively maintained by the natives. I request your Excellency, who surely must have exact knowledge of this, to inform me minutely if it is true, and to redouble vigilance and issue orders to other provincial governors.”⁴³

Dengan laporan yang diterima itu, ramai ahli mason ditangkap dan dipenjarakan. Dianggarkan kira-kira 17,000 mason berada di merata tempat di Filipina.⁴⁴ Beberapa orang pemimpin utamanya juga telah ditangkap dan dibuang negeri.⁴⁵ Golongan paderi dan kerajaan Sepanyol yang terlalu marah dengan perkembangan ini, menuduh *masonry* sebagai menyebarkan fahaman yang salah dan bersifat anti Sepanyol.⁴⁶ Orang Sepanyol juga menuduh *masonry* sebagai satu, “*workshop where hatred for Spain and the Spaniards was cast.*”⁴⁷

Semasa *masonry* menyebarkan idea liberalisme dan kebebasan, perkara ini telah dianggap mencabar kedudukan dan kuasa golongan agama. Sebenarnya ia tidak membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan propangandis seperti yang didakwa

⁴³ Maximo M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 46.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Sebelum kemunculan persatuan Katipunan,⁴⁵ seramai 1042 orang yang disyaki telah dibuang negeri.⁴⁵ Semasa terletusnya revolusi pada tahun 1896, *masonry* telah bertapak dengan kukuh di Filipina dan ketika itu terdapat hampir 82 lodge *masonry* di Filipina. Rujuk Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, *op.cit.*, hlm.36.

⁴⁶ Usha Mahajani, *op.cit.*, hlm. 60.

⁴⁷ Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, *op.cit.*, hlm. 36.

oleh Sepanyol, tetapi *masonry* telah menjadi saluran hasutan kepada propaganda.⁴⁸ Hanya apabila perjuangan mereka secara keamanan tidak berjaya, mereka menjadi lebih radikal.

Pengaruh *masonry* semakin aktif selepas tahun 1894 apabila ahli-ahli mason melancarkan kempen besar-besaran di Filipina.⁴⁹ Kerajaan Sepanyol dan khasnya golongan paderi Sepanyol dapat melihat akan bahaya doktrin dan hasutan ahli-ahli mason melalui laporan daripada civil guard Sepanyol.

“It is fully proven that *masonry* has been the principal cause of the trouble in these Islands, not only from the advanced and irreligious ideas scattered about, but more by the foundation of secret societies of a distinctly separatist character.”⁵⁰

Pada peringkat ini, orang Sepanyol dengan tegas menyatakan bahawa golongan mason bercita-cita untuk pemisahan, memandangkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan secara sulit.⁵¹

Keadaan menjadi bertambah buruk apabila kaum wanita juga terlibat dalam *masonry* di Filipina. Di mana pada Jun 1893, muncul lodge wanita pertama di Filipina iaitu lodge Minerva dan Rosario Villaruel menjadi pengasas dan seorang pemimpin yang berani. Apabila ramai wanita menyertai lodge ini dan keadaan ini menyebabkan golongan paderi berasa kurang senang. Semasa berlaku pemberontakan ramai wanita menyanjung nasionalisme dan menyokong dengan membawa senjata.⁵²

⁴⁸ Usha Mahajani, *op.cit.*, hlm. 69.

⁴⁹ Keadaan bertambah buruk, apabila ramai orang Filipina yang pulang dari Eropah mula mengkritik pemerintahan Sepanyol dan kedudukan dan pengaruh golongan paderi yang begitu kuat ke atas orang tempatan. Kritikan tersebut menimbulkan kemarahan golongan agama. Golongan paderi menuduh *masonry* sebagai punca munculnya pertubuhan Katipunan yang berniat untuk menjatuhkan pemerintahan Sepanyol dan memusnahkan kegiatan gereja melalui revolusi. Lagi pula, *masonry* dituduh sebagai mengadakan komplot politik dan menggalakkan wujudnya perasaan ketidaksetiaan.

⁵⁰ Exhibit 9, P.I.R., *op.cit.*

⁵¹ Maximo M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 45.

⁵² Melanio Seduripa Figuracion, *op.cit.*, hlm. 220.

Golongan paderi sedar bahawa kewujudan mason melemahkan pentadbiran Sepanyol dan dengan itu pegawai Sepanyol mengambil keputusan dengan lebih ketat dengan menghukum lebih ramai ahli sama ada dipenjara atau dibuang negeri. Polisi ini tidak disenangi para pemimpin mason yang berpendidikan Eropah. Golongan paderi Sepanyol dan pegawai kerajaan berpendapat, jika Filipina, Cuba, Puerto Rico hilang, ia kebanyakan adalah berpunca daripada tindakan golongan *masonry*.⁵³ Pengaruh *masonry* yang kuat inilah, akhirnya telah membawa kepada kemunculan tokoh dan idea revolusi ke Filipina.

Walaupun begitu, kegiatan dan kejayaan *masonry* sebelum tahun 1892 adalah amat terhad. Mereka masih gagal mencari satu formula untuk menyatukan hubungan antara pertubuhan-pertubuhan yang wujud, begitu juga tidak terdapat kesinambungan dalam aktiviti yang dijalankan. Penubuhan Katipunan pada tahun 1892 telah memberi sinar harapan dan hala tuju kepada gerakan *masonry* ini. Prinsip dan ideologi Katipunan yang bersifat radikal itu amat bersesuaian dengan perjuangan *masonry*, maka tidak hairanlah jika ramai ahli *masonry* yang menyertai Katipunan. Walaupun begitu, ahli-ahli *masonry* tidak terus menyertai Katipunan sebaik sahaja penubuhannya. Sebaliknya mereka hanya menyertainya selepas mempelajari matlamat perjuangan Katipunan. Menjelang tahun 1896, Katipunan boleh berbangga dengan keahliannya yang terdiri daripada mason.

“...It is generally affirmed that *masonry* in the Islands was emerged afterwards into the Katipunan society, and insular lodges soon turned into political organizations.”⁵⁴

Kedadaan ini menambahkan lagi penentangan dari golongan paderi. Pada tahun 1896 pula, dianggarkan lebih daripada 30,000 mason tempatan menjadi ahli dalam kira-kira 200 lodge

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ *Ibid.*

di Filipina.⁵⁵ Mason dari Sepanyol membantu orang tempatan dalam mengorganisasi lodge malah bersimpati dengan perjuangan orang Filipina untuk mendapatkan kemerdekaan.⁵⁶ Bukan itu sahaja sumbangan *masonry*, idea berpersatuan yang dimulakan oleh *masonry* telah mencorakkan Katipunan.⁵⁷ Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas, kita perlu menganalisa secara lebih teliti tentang pertubuhan tersebut yang mencatatkan sejarah yang cukup bermakna di Filipina serta membawa kemunculan beberapa tokoh terkenal menerusi pertubuhan ini.

3.3 Kemunculan Andres Bonifacio dan Penubuhan Katipunan

Sejarah telah mengurniakan seorang hero dari Tondo yang muncul sebagai arkitek revolusi Asia yang pertama iaitu melalui Revolusi Filipina 1896.⁵⁸ Beliau adalah Andres Bonifacio⁵⁹ yang berasal daripada keluarga miskin dari kelas bawahan. Andres Bonifacio telah membangkitkan dan memberikan kekuatan dan keberanian kepada orang-orangnya untuk menentang penjajahan Sepanyol yang penuh dengan penindasan dan ketidakadilan yang mendominasi melebihi 300 tahun.⁶⁰ Beliau merupakan seorang mason yang aktif dalam *Lodge Taliba*⁶¹ di samping menjadi ahli dalam *La Liga Filipina*. Walaupun Bonifacio seorang ahli *La Liga* tetapi beliau mendapat banyak pengaruh dalam *Lodge Taliba* dan seterusnya mendorong kepada pengasasan persatuan revolusioner Katipunan. Andres Bonifacio juga dikenali sebagai pejuang golongan massa atau *plebian* dan

⁵⁵ *Ibid.*, hlm. 221.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, *op.cit.*, hlm. 36.

⁵⁸ Sumbangan besar Bonifacio dalam sejarah perkembangan idea nasionalisme ialah membawa idea revolusi ke Filipina. Bonifacio telah sedar hanya melalui revolusi sahaja Filipina akan mendapat kemerdekaan. Andres Bonifacio telah mempraktikkan idea revolusi tersebut di Filipina untuk menjatuhkan rejim Sepanyol yang telah bertapak kukuh lebih tiga abad.

⁵⁹ Andres Bonifacio – Lahir di daerah Tondo, Manila pada 30 November 1863. Ibubapanya ialah Santiago Bonifacio dan Catalina de Castro. Untuk menyara hidup keluarga, beliau menjual rotan dan kipas tangan. Ketika dewasa, Bonifacio bekerja sebagai kerani dengan sebuah firma Inggeris, Fleming and Company. Kemudian telah bertukar ke firma Jerman, Fressell and Company sebagai pekerja gudang.

⁶⁰ Alejo L. Villanueva, *Bonifacio's Unfinished Revolution*, Quezon City: New Day Publishers, 1989, hlm. 9.

⁶¹ Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, *op.cit.*, hlm. 48.

kemunculan beliau dianggap sebagai titik tolak dalam sejarah Filipina kerana telah mempengaruhi golongan massa untuk melibatkan diri dalam Katipunan.⁶²

La Liga Filipina telah memberikan sumbangan dalam menentukan dasar Katipunan dan seterusnya menjadikan Katipunan sebagai satu pertubuhan yang boleh dikatakan berkesinambungan dengannya menjelaskan kepada kita betapa rapatnya kaitan antara dua pertubuhan tersebut. Hakikat yang harus diterima adalah bahawa *La Liga* telah menjadi jambatan kepada pembentukan Katipunan.⁶³ Cuma dari segi corak perjuangan Katipunan, hasrat pemimpinnya iaitu Bonifacio untuk menggunakan pendekatan baru iaitu cara radikal untuk memperjuangkan hak mereka. Dalam perkara inilah perbezaan yang ketara wujud antara *La Liga* dan Katipunan. Perlu diketahui pendekatan *La Liga* sebelum ini adalah masih bersifat pasif menyebabkan Bonifacio hilang kepercayaan dengan cara sebegini.⁶⁴ Kepimpinan Bonifacio menandakan peralihan dari segi latar belakang kepimpinan di mana pihak massa tampil ke depan dan mengambil alih teraju kepimpinan menggantikan golongan ilustrado yang sebelum ini dianggap jauh lebih berkuasa. Menurut Adrian E. Cristobal, "*Bonifacio arrived at the revolutionary junction out of the failure of the propaganda and ruins of La Liga Filipina.*"⁶⁵

Bagaimana Bonifacio mendapat idea revolusi? Bonifacio mendapat idea tersebut dari pelbagai bentuk pendedahan. Memandangkan Bonifacio daripada golongan buruh, beliau mempunyai keinginan yang tinggi untuk mendapatkan kebebasan dan persamaan

⁶² Kumpulan sasaran Andres Bonifacio adalah berbeza jika dibandingkan dengan Jose Rizal. Jika *La Liga* yang dipimpin oleh Rizal tidak mengiktiraf kemampuan golongan massa, tetapi Katipunan di bawah Bonifacio pula berpendapat sebaliknya. Golongan ilustrado tidak menghormati rakyat biasa, sebaliknya Katipunan pula sebuah persatuan revolusi yang dianggotai oleh rakyat biasa.

⁶³ Ketika Bonifacio menjadi ahli dalam *La Liga*, beliau telah membawa masuk orang-orangnya dari daerah Tondo dan Trozo ke dalam *La Liga*. Akibat tindakan ini, *La Liga* lebih cenderung ke arah keanggotaan golongan massa. Keadaan ini tidak disenangi oleh golongan reformis kerana mereka menganggap golongan massa sebagai terlalu radikal. Keadaan ini telah membawa kepada pembubaran *La Liga*. Tetapi Bonifacio berjaya merekrut orang-orangnya ke dalam Katipunan.

⁶⁴ Alejo L. Villanueva., *op.cit.*, hlm. 24.

⁶⁵ Adrian E. Cristobal, *The Tragedy of the Revolution*, Hong Kong : Studio 5 Publishing, Inc., 1997, hlm. 63.

taraf. Beliau mendapat idea revolusi melalui pendedahan dengan idea liberal dari Eropah.⁶⁶ Walaupun berpendidikan rendah, namun berkat usaha dan minatnya telah menyebabkan Bonifacio berjaya membaca dan memperoleh idea revolusi dan mempunyai pemikiran yang mendalam. Bonifacio tidak mahir dengan bahasa Sepanyol seperti Rizal, del Pilar dan Lopez Jaena. Bonifacio hanya mahir bahasa Tagalog iaitu bahasa golongan massa. Dia belajar sendiri bahasa Sepanyol agar tidak ketinggalan memperoleh ilmu falsafah. Menurut Teodoro M. Kalaw, “*he devoted his leisure hours to reading books on revolution.*”⁶⁷

Idea revolusi dan pemikiran liberal diterima oleh Bonifacio melalui pembacaan buku-buku seperti *The History of the French Revolution*, *Les Miserables*, *The Wandering Jew*, *Lives of the President of the United States*,⁶⁸ dan karya-karya Jose Rizal seperti *Noli Me Tangere*, *El Filibusterismo* dan *La Solidaridad*.⁶⁹ Sejarah Revolusi Perancis umpamanya telah mempengaruhi Bonifacio untuk menggunakan cara radikal di Filipina. Di samping itu, buku revolusi tersebut juga mengembangkan idea sosialis dalam diri Bonifacio dan doktrin Revolusi Perancis iaitu, *Liberty*, *Equality* dan *Fraternity* diambil dan diserapkan ke dalam Katipunan.⁷⁰ Bonifacio dapat membayangkan bangsanya melaungkan dalam bahasa Tagalog, “*Liberte*”, “*egalite*”, and “*fraternite*” yang dapat menjadi medan pertempuran gerakan revolusionari.⁷¹

Bonifacio amat tertarik dengan revolusi Perancis, kerana revolusi ini telah mencapai kejayaan yang cukup bersejarah. Beliau juga berpendapat prinsip revolusi ini

⁶⁶ Alejo L. Villanueva, *op.cit.*, hlm. 17.

⁶⁷ Teodoro M. Kalaw, *The Philippine Revolution*, Quezon City : R.P. Garcia Publishing Company, 1969, hlm. 21.

⁶⁸ Bonifacio amat tertarik terutama sekali dengan keperibadian George Washington, Presiden pertama Amerika yang dianggapnya sebagai pemberi semangat, kepercayaan dan keazaman. Kejayaan Washington membebaskan 13 koloni daripada Britain telah memberi Bonifacio semangat untuk melakukannya di Filipina. Sila rujuk Alejo L. Villanueva, *op.cit.*, hlm. 22.

⁶⁹ Teodoro M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 22.

⁷⁰ Rodolfo G. Tupas, *The Plebian and the Revolution*, dalam *Sunday Times Magazine*, bertarikh 8 Jun 1969, Manila, 1969, hlm. 15.

⁷¹ Alejo L. Villanueva, *op.cit.*, hlm. 21.

adalah bersifat sejagat dan dapat diaplikasikan di mana-mana bahagian dunia.⁷² Revolusi Perancis bukan sahaja begitu penting di Perancis malah di seluruh dunia yang menjadi penunjuk jalan kepada idea dan kuasa revolusi, idea demokrasi dan konsep nasionalisme yang telah mengubah wajah Eropah dan seluruh dunia.⁷³ Bonifacio juga dipengaruhi oleh pemikiran Voltaire, Montesquieu dan Rousseau yang menggerakkan minda masyarakat serta melahirkan idea revolusi.⁷⁴ Rousseau misalnya berpendapat, "...*revolution is logic of chaos.*"⁷⁵

Bonifacio juga mendapat idea revolusi melalui tulisan Rizal. Tulisan Rizal yang paling banyak mempengaruhi pemikiran dan jiwa Bonifacio ialah novel *Noli Me Tangere* dan *El Filibusterismo*.⁷⁶ Dalam buku tersebut dimuatkan penderitaan yang dialami di bawah penjajahan. Penulisan Rizal mendedahkan penderitaan penindasan melahirkan semangat anti kolonial dalam diri Bonifacio dan memperkuat sentimen terhadap *motherland* mereka (Filipina). Walaupun Rizal seorang pendokong idea anti keganasan, tetapi penulisan beliau khasnya *El Filibusterismo* telah memberikan Bonifacio semangat revolusioner kerana dalam penulisan ini Rizal sendiri telah meramalkan bahawa jika pihak Sepanyol tidak bekerjasama dengan Filipina, suatu revolusi akan tercetus.

⁷² Melalui Revolusi Perancis dunia dapat mewarisi konsep negara baru. Sebelum Revolusi Perancis rakyat dianggap sebagai orang suruhan atau subjek kepada raja yang memerintah yang dipercayai mempunyai "kuasa ketahanan" (divine right). Selepas Revolusi Perancis rakyat mula berfikir dari mereka sebagai warganegara bebas kepada negara yang mempunyai hak untuk memilih pemerintah. Mereka percaya setiap individu adalah milik negara dan mempunyai hak ke atas negara. Dengan itu lahir konsep nasionalisme baru dan mereka sedar hak individu sebagai warganegara bebas. Sila rujuk Hilarion M. Henares *Sun and Stars Alike*, Manila: Hilarion M. Henares JR. Publication, 1976, hlm. 22.

⁷³ *Ibid.*, hlm. 21.

⁷⁴ Dalam pemikiran barat dan revolusi ini dicirikan sebagai satu kebangkitan anti keagamaan dan penolakan gereja. Misalnya penulisan Voltaire menimbulkan kemarahan golongan paderi. Di samping itu pemikir Montesquieu dan Rosseau adalah antara pengkritik pemerintahan zalim yang terkenal pada masa itu. Idea Montesquieu iaitu kebebasan berpolitik dan pendapat Rosseau yang mana setiap manusia dilahirkan bebas merupakan asas kepada Revolusi Perancis. Sila rujuk Adrian E. Cristobal, *op.cit.*, hlm. 64.

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ Selain novel, esei penulisan Rizal seperti "*Filipinos dentro de Cien Años*" dan "*Sobre la Indolencia de los Filipinos*" mendedahkan kehidupan masa lampau orang tempatan yang hidup bahagia dengan menikmati kegiatan ekonomi dengan baik. Tetapi dengan kehadiran penjajahan Sepanyol, rakyat hidup menderita dan hilang semua kebahagiaan yang dinikmati sebelum sistem kolonial. Tulisan ini juga mendorong kepada lahirnya sentimen anti kolonial dalam diri Bonifacio.

Selain Rizal, seorang lagi propagandis yang mempengaruhi pemikiran dan perjuangan Andres Bonifacio ialah Marcelo H. del Pilar. Tulisan del Pilar pada 15 November 1895 dalam SOL berbunyi, "*that all sacrifices are too little to win the rights and the liberty of a nation that is oppressed by slavery.*"⁷⁷ Marcelo H. del Pilar telah sedar bahawa gerakan propaganda tidak sesuai dan hanya melalui suatu revolusi sahaja matlamat orang Filipina akan tercapai.⁷⁸ Daripada del Pilar, Bonifacio dapat mengesahkan orientasi keradikalan dan dapat melihatnya sebagai rakan revolusioner. Bonifacio mencontohi pimpinan dan bimbingan del Pilar. del Pilar dikatakan telah berkhidmat sebagai mentor kepada Bonifacio.⁷⁹ Malah del Pilar sendiri dipercayai memberikan dorongan dan menyokong penubuhan Katipunan.⁸⁰ Walaupun selama ini del Pilar seorang pejuang anti keganasan tetapi kini beliau telah memberikan sokongan dan menggalakkan penubuhan persatuan rahsia yang bersifat revolusioner. Perubahan sikap del Pilar ini sudah tentu telah menaikkan lagi semangat untuk melancarkan revolusi bagi menjauhkan rejim Sepanyol di Filipina.

Dengan ini dapat dikatakan bahawa, segala tindak-tanduk Bonifacio tidak dipengaruhi oleh satu elemen sahaja. Seperti yang telah kita lihat, ia merangkumi daripada Revolusi Perancis, ideologi Voltaire, Montesquieu, Rosseau dan pengaruh Rizal dan del Pilar. Keistimewaan Bonifacio adalah kebolehannya untuk menghubungkan, membuat sintesis dan memasukkan pendapatnya sendiri terhadap sesuatu perkara. Malah ini membolehkan beliau menyumbang jauh melebihi daripada apa yang diperolehinya.⁸¹

⁷⁷ *Ibid.*, hlm. 21.

⁷⁸ Rodolfo G. Tupas, *op.cit.*, hlm. 14.

⁷⁹ *Ibid.*

⁸⁰ Leandro H. Fernandez, *op.cit.*, hlm. 14.

⁸¹ *Ibid.*

3.4 Katipunan - Matlamat dan Ciri-Ciri

Jelas idea revolusi yang tertanam dalam diri Andres Bonifacio perlu sampai kepada penduduk tempatan. Maka seorang revolusioner atau pemimpin sesuatu revolusi itu perlu memberi bentuk kepada ideologi revolusi. Untuk itu Bonifacio mempunyai segala ciri-ciri tersebut. "*Revolution 'was in the air', but only Bonifacio breathed it in.*"⁸²

Sebelum mengadakan satu revolusi, maka sudah tentu sebuah badan perlu ditubuhkan untuk menggerakkan revolusi tersebut. Dengan itu pada 7 Julai 1892, iaitu pada hari Rizal ditahan, Bonifacio berjaya mengumpulkan beberapa orang di rumah bernombor 72, Jalan Azcarraga untuk menubuhkan sebuah pertubuhan radikal.⁸³ Antara mereka yang hadir ialah Deodato Arellano,⁸⁴ Valentin Diaz,⁸⁵ Teodoro Plata,⁸⁶ Ladislao Diwa,⁸⁷ Jose Dizon dan beberapa orang lagi.⁸⁸ Kesemua pemimpin ini berasal daripada masyarakat kelas pertengahan bawah dan masyarakat bawahan.

Dengan bercahayakan pelita, mereka menjalankan upacara tradisi, iaitu dengan perjanjian darah menandatangani borang keahlian dengan guna darah sendiri.⁸⁹ Melalui upacara ini, lahirlah persatuan rahsia yang dikenali sebagai *Kataastaasan Kagalangalang*

⁸² Adrian E. Cristobal, *op.cit.*, hlm. 62.

⁸³ Ambeth R. Ocampo, *Bonifacio's Bolo*, Pasig City : Anvil Publishing, Inc., 1996, hlm. 5.

⁸⁴ Deodato Arellano – Berkelulusan bookeeping di Ateneo Municipal dan bekerja sebagai kerani pasukan tentera. Bekas ahli *La Liga*. Katipunan diasaskan di rumahnya.

⁸⁵ Valentin Diza – Kerani mahkamah. Dia membantu mengka peraturan Katipunan.

⁸⁶ Teodoro Plata – bekerja di Mahkamah Quiapo dan kemudian menjadi kerani di mahkamah Pampanga. Aktif dalam *La Liga* bersama Bonifacio.

⁸⁷ Ladislao Diwa – mendapat pendidikan di Escuela Municipal. Menjadi kerani di Binondo dan kemudian dilantik sebagai kerani mahkamah di Mindoro. Menyertai Katipunan atas pelawaan Bonifacio.

⁸⁸ Exhibit 10, "Isabelo De Los Reyes on the Katipunan", *P.L.R.*, (n. p.) dan Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, *op.cit.*, hlm. 43-44.

⁸⁹ Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 214.

na *Katipunan ng mga Anak ng Bayan* (Highest and most respectable Society of the Sons of People) atau Katipunan.

Tujuan Katipunan ialah untuk melahirkan semangat kebangsaan dan berusaha untuk membebaskan orang Filipina daripada penindasan Sepanyol dan kezaliman golongan agama.⁹⁰ Antara matlamat lain Katipunan ialah menyemaikan semangat cinta kepada negara, memberi bantuan dan perlindungan, menekankan nilai patriotisme dan persamaan taraf serta matlamat akhir ialah kemerdekaan Filipina.⁹¹

“The doctrine of the Katipunan was the enlightenment of the people, and the creation of a spirit of fraternity among them, their real aspiration being to obtain emancipation from the Mother Country, even to declare the islands independent, This they hoped to attain by pacific means, but if that was not possible, by violent ones, as soon as the people were enlightened and understood their rights and obligations.”⁹²

Bonifacio telah muncul sebagai orang pertama di Asia yang berjaya mengorganisasi seluruh bangsa secara besar-besaran ke arah nasionalis revolusi di Filipina.⁹³ Bagaimana dia berjaya ke tahap itu dapat dilihat seperti berikut. Sebagai langkah pertama, Bonifacio cuba memberikan Katipunan nama yang dapat menggambarkan matlamat yang jelas dan bukannya sekadar nama semata-mata. Maka nama Katipunan yang diberikan itu membawa pengertian semangat patriotisme yang menjurus ke arah pembentukan negara Filipina yang merdeka. Bonifacio seolah-olah mencabar rakyat untuk menunjukkan taat setia yang tiada tolok bandingnya untuk menyertai pertubuhan yang dianjurkan itu, “...it was an invitation addressed to the heart and soul of every Filipino who cared deeply about his country.”⁹⁴

⁹⁰ Eufonio M. Alip, *op.cit.*, hlm. 116.

⁹¹ *Ibid.*

⁹² Exhibit 12, “Testimoni Pio Valenzuela”, bertarikh 2 September 1896, *P.I.R.*, (n.p.).

⁹³ Alejo L. Villanueva, *op.cit.*, hlm. 28.

⁹⁴ *Ibid.*

Satu perkara yang cukup drastik telah berlaku dalam perkembangan nasionalisme di bawah Bonifacio dan pertubuhan Katipunan. Bonifacio cuba bertindak untuk melahirkan Filipina sebagai *motherland* di kalangan orang Filipina dan penyertaan mereka bukanlah sekadar dengan kata-kata tetapi ia perlu ditunjukkan melalui tindakan. Beliau sedar untuk menjayakan revolusi beliau memerlukan sokongan seluruh penduduk Filipina. Bagaimana caranya untuk mendapatkan sokongan orang Filipina, iaitu dengan menyemaikan semangat cintakan *motherland*.⁹⁵ Bonifacio pernah berkata :

“One who truly loves his country must be prepared to risk not only his blood and life itself, but also an ignominious death. However, the light of history will certainly set things right, so that those who formerly failed to perceive the truth will be able to see things in their proper perspective. Then they themselves will realize how glorious it was to love one’s *motherland*. Moreover, they will in the end repudiate the traitors.”⁹⁶

Katipunan memberikan peluang untuk rakyat bersatu untuk satu tujuan yang sama. Sesiapa yang menjadi ahli Katipunan, mestilah mengabdikan diri untuk kepentingan negara. Perkara ini jelas terbukti dalam syarat kemasukan keahlian dalam Katipunan, “*Do you swear before our Lord Jesus that you will shed your last drop of blood in defence of our mother country.*”⁹⁷

3.5 Penulisan Bonifacio

Matlamat perjuangan Bonifacio adalah untuk membebaskan rakyat Filipina dari belenggu penjajahan melalui suatu revolusi. Untuk melancarkan revolusi beliau sedar perlu menyatupadukan penduduk Filipina dengan membangkitkan semangat nasionalisme di

⁹⁵ Exhibit 11b, “Katipunan Last Instructions Concerning Admission into the Society”, P.I.R. 1190.3. (n.p.).

⁹⁶ Santiago V. Alvarez, *The Katipunan and the Revolution, Memoirs of a General*, {terjemahan oleh Paula Carolina S. Malay} Manila: Ateneo De Manila University Press, 1996, hal. 114.

⁹⁷ Exhibit 11b., P.I.R. 1190.3., *op.cit.*

kalangan mereka. Beliau telah menggunakan konsep cinta kepada *motherland* iaitu Filipina untuk menyatupadukan mereka.

Cinta kepada *motherland* yang menjadi asas kepada perjuangan Bonifacio perlu disebarkan kepada rakyat melalui saluran dan cara yang betul. Bonifacio telah menggunakan kebolehannya dalam bidang penulisan untuk menyuarakan hasrat beliau di samping mencetuskan kesedaran di kalangan rakyat. Kebolehan Bonifacio dalam bidang penulisan tidak boleh dipersoalkan. Beliau cukup puitis, adakala bersifat hiba, adakala bersifat marah dan adakala menagih ketaatan rakyat. Semua ini menjadi kekuatan beliau untuk mengubah dan mencetuskan tanda tanya di kalangan rakyat tentang pengorbanan dan sumbangan mereka terhadap *motherland*. Bukan itu sahaja, beliau juga sedar penulisan dalam bahasa Tagalog adalah satu kemestian. Seorang nasionalis yang ingin membebaskan *motherland* dari penjajahan asing tidak lagi seharusnya menggunakan bahasa Sepanyol. Tambahan pula penduduk Filipina majoritinya terdiri daripada pihak massa yang tidak dapat memahami bahasa Sepanyol. Disinilah letaknya keistimewaan Bonifacio seorang nasionalis yang benar-benar bercirikan tempatan.

Antara karya penting yang memfokus kepada *motherland* adalah “*Pagibig sa Timubuang Bayan*”, “*Pahimakas*”, “*Ang Dapat Mabaitid ng mga Tagalog*”, *Cazadores* dan lain-lain lagi. Tulisan-tulisan beliau mendapat pengaruh yang besar di kalangan golongan massa. Antara tulisan yang mencetuskan impak yang besar dalam diri penduduk Filipina ialah sajak “*Pagibig sa Timubuang Bayan*” (Love of Country).⁹⁸ Pada pendapat saya,

⁹⁸ Sila rujuk Lampiran II.

impak daripada sajak ini boleh dikatakan lebih berjaya berbanding novel *Noli Me Tangere* yang ditulis oleh Rizal. Ini kerana novel Rizal yang ditulis dalam bahasa Sepanyol itu hanya mempengaruhi golongan *ilustrado* sahaja. Tetapi sajak Bonifacio ini mempengaruhi penduduk majoriti Filipina iaitu rakyat bawahan. Di samping sajak itu ditulis dalam bahasa Tagalog, kandungannya juga penuh dengan persoalan patriotik yang menyedarkan pembaca ke arah melahirkan perasaan cintakan negara. Sajak itu juga secara terbuka memaparkan penindasan yang dilalui oleh rakyat jelata serta menyedarkan kedudukan sebenar penduduk Filipina. dan mendorong mereka untuk mendapatkan kebebasan daripada penindasan penjajah. Walaupun Rizal pernah mendedahkan penindasan dan ketidakadilan penjajah namun mesejnya tidak sampai kepada golongan massa. Hanya menerusi tulisan Bonifacio rakyat bawahan sedar akan penindasan dan kekejaman penjajah. Salah satu bahagian dalam sajak *Pagibig sa Tinubuang Bayan* dinyatakan seperti, "*The bygone days of joy, the future that is hoped will free the slaves, where can this be found but in one's native land?*"⁹⁹ Melalui petikan sajak ini, bagi Bonifacio tidak ada yang lebih indah untuk seseorang selain menikmati kebebasan sepenuhnya di negara sendiri. Oleh itu beliau mendesak agar orang Filipina bangun mempertahankan negara mereka iaitu Filipina. Satu aspek yang penting dalam sajak ini ialah, Filipina mula dilihat sebagai *motherland* dan bukan lagi daripada Sepanyol seperti yang diperjuangkan oleh golongan propagandis.

Bonifacio menganggap cinta kepada *motherland* adalah cinta yang paling agung dan suci. Rangkap pertama sajak "*Pagibig sa Tinubuang Bayan*" yang ditulis oleh beliau menyatakan perkara ini dengan jelas. "*What love can be purer and greater, than love of*

⁹⁹ Petikan daripada sajak "*Pagibig sa Tinubuang Bayan*" (terjemahan) dalam Teodoro A. Agoncillo, *The Writings and Trial of Andres Bonifacio*, Manila : University of the Philippines, 1967, hlm. 6.

country. What love? No other love, none."¹⁰⁰ Beliau mengajak penduduk Filipina menanam semangat cintakan *motherland* yang cukup mendalam. Demi *motherland* kelahiran mereka, penduduk Filipina seharusnya berkorban apa sahaja, walau nyawa sekalipun. "...*blood, wealth, knowledge, sacrifices. Even if life itself ends.*"¹⁰¹ Begitulah tingginya "*motherland*" itu kepada Andres Bonifacio. Beliau meminta penduduk tempatan merenung kembali kesedihan yang menimpa akibat pencerobohan *motherland* mereka oleh kuasa asing. Rakyat diminta bangkit dan mempertahankan Filipina demi menjaga maruah *motherland* tersebut.

Akibat kepahitan serta keperitan yang dialami, Bonifacio seolah-olah cuba menekankan bahawa cinta terhadap *motherland* itu adalah satu kewajipan seperti "*Go and love the oppressed country*"¹⁰² Cinta terhadap negara yang dibelenggu penjajahan perlu diluahkan. "*Express that love for the imprisoned country.*"¹⁰³ Demi menamatkan keperitan dan mencari kemajuan, Filipina harus dilindungi. Kesimpulannya, Bonifacio dalam sajak *Pagibig sa Tinubuang Bayan* meletakkan cinta terhadap *motherland* sebagai cinta paling suci dan sifat itu tidak harus lupus dalam apa-apa keadaan demi mencapai kegemilangan dalam erti kata sebenar. Rangkap terakhir sajak beliau menerangkan perkara ini dengan cukup teliti. "*Dedicate with all your love - as long there is blood - shed ,every drop of it. If for the defence of the country life is... this is fate and true glory.*"¹⁰⁴

Melalui petikan di atas, sudah tentu menyemarakkan semangat dan mengapikan sentimen di kalangan rakyat untuk bangun memberontak mempertahankan maruah dan

¹⁰⁰ *Ibid.*, hlm. 5.

¹⁰¹ *Ibid.*, hlm. 6.

¹⁰² *Ibid.*, hlm. 7.

¹⁰³ *Ibid.*, hlm. 8.

¹⁰⁴ *Ibid.*

martabat *motherland*.¹⁰⁵ Secara tidak langsung meniupkan idea revolusi iaitu mengajak rakyat bersatu untuk menggulingkan rejim Sepanyol secara kekerasan. Setelah rakyat membaca karya Bonifacio inilah keahlian Katipunan meningkat untuk memberi sokongan kepada perjuangan radikal.

Selain daripada Bonifacio, Emilio Jacinto¹⁰⁶ merupakan seorang lagi nasionalis yang memainkan peranan penting dalam perkembangan Katipunan dan idea revolusi di Filipina. Persatuan Katipunan mengambil wajah baru dengan semangat yang dimiliki oleh Jacinto. Dia sentiasa menyerapkan nilai patriotik di kalangan orang Filipina. Dalam ucapan-ucapan beliau sentiasa menekankan kepentingan perpaduan di kalangan Filipina demi mendapatkan kemerdekaan. Kesan daripada ucapan beliau, pada 1893, beratusan orang begitu bersemangat dan menyertai Katipunan sebagai revolusionis.

Selain menyebarkan idea nasionalisme melalui ucapan, Jacinto juga menulis artikel dalam akhbar *Kalayaan* dan mendedahkan ciri-ciri revolusi.

“His essay on liberty was exalted by his people who grieved deeply over the sorrows of their native land. He believed that security and welfare of the people should be the aim of all government laws and acts. Furthermore, natives were to be awakened to the consciousness of their privileges and obligations. The laws of the land should therefore be obeyed and respected, as the expression of popular will.”¹⁰⁷

Dengan ini jelas Jacinto juga memainkan peranan penting dalam menyedarkan semangat nasionalisme di kalangan rakyat Filipina.

¹⁰⁵ Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, *op.cit.*, hlm. 95.

¹⁰⁶ Emilio Jacinto menyertai Katipunan pada tahun 1894, ketika itu beliau berumur 19 tahun. Lahir pada 15 Disember 1875 di Tondo dan anak kepada Mariano Jacinto seorang pedagang kecil. Pada 31 Disember 1895 Jacinto menjadi fiscal dalam Katipunan. Ketika itu beliau masih merupakan pelajar jurusan undang-undang di Universiti Santo Tomas. Walaupun dia adalah orang kedua selepas Bonifacio, tetapi dia digelar sebagai “brains of Katipunan” kerana beliau telah berjaya mengarah dan merangsangkan Katipunero dalam perjuangan. Ahli-ahli Katipunan juga dikenali sebagai Katipunero bagi lelaki dan Katipunera bagi wanita. Sila rujuk Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hal. 213 dan Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hal. 222.

¹⁰⁷ *Ibid.*, hlm. 223.

Sebenarnya Bonifacio dapat merasakan perlunya suatu ideologi untuk Katipunan agar ahli-ahli dapat bergerak ke hala tuju dengan matlamat yang sama dan jelas. Dengan itu, Katipunan mengambil konsep *Kartilla*¹⁰⁸ yang dirangka oleh Emilio Jacinto yang mengandungi pegangan politik iaitu mencintai negara, Tuhan dan rakan-rakan. Tulisan lain beliau ialah *Liwanag at Dilim* (Light and Darkness) juga mengandungi idea politik. Kedua-dua tulisan beliau digunakan untuk merangka tanggungjawab ahli Katipunan agar mereka setia dalam perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan.¹⁰⁹ Konsep *Kartilla* inilah diguna oleh Bonifacio untuk menyemaikan semangat cintakan *motherland* dalam diri ahli-ahli Katipunan. Konsep *Kartilla* ini menyentuh hati rakyat bawahan dengan meluas.

“There was something religious about the ideals of the Katipunan. The nobility of its mission and the seriousness with which Bonifacio pursued it eventually touched the hearts of not just a few.”¹¹⁰

Katipunan mempunyai visi masa depan yang memerlukan sifat-sifat pengorbanan, tidak tamak, dan heroisme. Sifat-sifat ini ditujukan kepada putera dan puteri negara iaitu yang sebenarnya bermaksud *ang mga bayan*. Mereka semua ini tidak diterima dengan mudah tetapi perlu melalui beberapa ujian keberanian, kerelaan dan keikhlasan.

Katipunan juga mengambil pengalaman daripada rukun Revolusi Peranchis yang menggariskan tiga objektif iaitu politik, moral dan sivik.¹¹¹ Dari segi politik mereka mahukan pemisahan dari Sepanyol. Dari segi sivik pula untuk mewujudkan semangat

¹⁰⁸ Konsep *Kartilla* atau juga dikenali sebagai Primer menekankan kesetiaan, kebajikan, keperibadian mulia, persamaan, amanah, keikhlasan, prihatin terhadap mereka yang tertindas, menghormati wanita, cintai *motherland* dan komitmen.

¹⁰⁹ Sila rujuk Lampiran III.

¹¹⁰ Alejo L. Villanueva, *op.cit.*, hlm. 30.

¹¹¹ Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, *op.cit.*, hlm. 44.

saling membantu dan membela orang miskin dan mereka yang tertindas. Aspek moral pula untuk melahirkan masyarakat yang bersopan-santun dan bermoral tinggi.

3.6 Struktur Pentadbiran Katipunan

Bagi Bonifacio, Katipunan itu sendiri adalah sebuah bentuk kerajaan yang melambangkan ciri-ciri demokrasi. Dengan sebab itu Katipunan mempunyai beberapa lapisan pentadbiran. Katipunan mempunyai satu Majlis Tertinggi (Supreme Council) atau dikenali sebagai *Kataastaasang Sanggunian* berperanan sebagai kerajaan pusat. Ciri-ciri demokrasi jelas terbukti apabila pilihanraya diadakan untuk memilih pemimpin. Walaupun Bonifacio adalah pengasas Katipunan, beliau tidak menjawat jawatan Presiden pada peringkat ini. Pentadbiran dijalankan melalui beberapa Majlis. Ahli Majlis Tertinggi (1892) yang dipilih adalah seperti, Deodato Arellano sebagai Presiden, Andres Bonifacio sebagai Comptroller, Ladislao Diwa sebagai Fiscal, Teodoro Plata sebagai Setiausaha dan Valentin Diaz sebagai Bendahari.

Tidak lama kemudian Bonifacio telah muncul sebagai orang yang paling penting dalam Katipunan.¹¹² Pada tahun 1894 Bonifacio telah menjadi presiden Katipunan sehinggalah tercetusnya revolusi pada tahun 1896. Dalam tempoh masa ini Majlis Tertinggi terdiri daripada,¹¹³ Andres Bonifacio sebagai Presiden, Emilio Jacinto sebagai Setiausaha Negara, Teodoro Plata sebagai Setiausaha Peperangan, Bricio Pantas sebagai Setiausaha Kehakiman, dan Aguedo del Rusario sebagai Setiausaha Kewangan.

¹¹² Pada tahun 1893, satu lagi pemilihan Majlis Tertinggi diadakan. Roman Basa berjaya sebagai Presiden, Jose Turiano Santiago sebagai Setiausaha, Vincent Molina sebagai Bendahari, dan Andres Bonifacio hanya sebagai Fiscal. Namun pada 1894, Bonifacio telah memecat Roman Basa berikutan perselisihan faham yang berlaku di antara mereka. Dengan itu, Bonifacio melantik dirinya sebagai presiden.

¹¹³ Exhibit 10, "Isabelo De Los Reyes on the Katipunan", *P.L.R.* (n. p.).

Selain Majlis tertinggi di peringkat pusat, di setiap wilayah diwujudkan '*Provincial Council*' yang dikenali sebagai *Sanguniang Bayan*. Di peringkat bandar pula, dibentuk '*Municipal Council*' yang dikenali sebagai *Sanguniang Balangay*.¹¹⁴ Tambahan pula, sebuah Dewan Sulit (Secret Chamber) ditubuhkan untuk bertindak sebagai mahkamah untuk mengadili sesiapa yang melanggar peraturan atau membongkar rahsia Katipunan. Dewan Sulit ini dikenali sebagai *Sanguniang Hukuman* terdiri daripada Bonifacio, Pio Valenzuela dan Emilio Jacinto.¹¹⁵ Berdasarkan struktur pentadbiran ini jelaslah bahawa Katipunan bukan semata-mata sebuah organisasi masyarakat sahaja tetapi mempunyai ciri-ciri sebuah bentuk kerajaan yang bercorak demokrasi.

3.7 *Kalayaan* Sebagai Instrumen Katipunan

Akhbar *Kalayaan* menjadi instrumen Katipunan dalam menyebarkan idea dan kegiatan mereka. Pada bulan Disember 1895, kaunsil Katipunan mengadakan pilihanraya di rumah Bonifacio di Zurbaran Street di daerah Santa Cruz. Seramai 200-300 ahli hadir pada hari tersebut. Pada hari itu juga, pertama kalinya mereka memperoleh alat percetakan. Ini merupakan satu perkembangan yang tidak diduga. Dua orang penyelam Visayan yang bekerja di Australia telah pulang ke Filipina dan membelikan alat percetakan untuk Katipunan.¹¹⁶

Mesin percetakan tidak dapat beroperasi kerana menghadapi masalah kekurangan mesin taip. Masalah ini dapat diatasi dengan bantuan ahli Katipunan yang bekerja di kedai

¹¹⁴ Exhibit 10, P.I.R., *op.cit.*

¹¹⁵ *Ibid.*

¹¹⁶ Penyelam Visayan mempunyai wang sebanyak P1000 di tangan mereka. Oleh kerana Katipunan memerlukan alat percetakan, maka mereka telah membelikan dengan harga P400 dari sebuah kedai di Jalan Carriedo dan telah menyerahkannya kepada Bonifacio. Selepas mendermakan mesin cetak mereka telah kembali ke kampung halaman di Kalibo, Kapis untuk menyebarkan doktrin revolusionari Katipunan. Sila rujuk Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, *op.cit.*, hlm. 76-77.

percetakan *Diario de Manila* milik Sepanyol. Pekerja di situ mencuri mesin taip dan menyerahkan kepada Pio Valenzuela dengan percuma. Setiap kali menghadapi masalah percetakan ia selalu diatasi dengan bantuan daripada pekerja di *Diario de Manila*.¹¹⁷ Dengan adanya mesin percetakan pada 18 Januari 1896, akhbar *Kalayaan* (liberty) telah diterbitkan pada bulan Mac. Sebanyak 2000 naskhah telah dicetak. Valenzuela pula membeli 100 naskhah untuk provinsi di Bulacan dan Bonifacio telah membeli sebanyak 700 naskhah untuk diedarkan di Manila.¹¹⁸

Dengan penerbitan *Kalayaan* keahlian Katipunan bertambah dengan mendadak. Menurut Pio Valenzuela pada hujung Mac 1896, setelah *Kalayaan* tersebar merata tempat, ratusan orang datang menyertai Katipunan pada waktu malam dari bandar-bandar San Juan del Monte, San Felipe Neri, Pasig, Pateros, Marikina, Caloocan, Malabon dan dari tempat-tempat lain. Bonifacio sendiri terkejut dengan kemasukan yang pesat itu dengan tiba-tiba. Dari mula diasaskan sehingga penerbitan *Kalayaan* pada Januari 1896, Katipunan hanya ada kira-kira 300 ahli tetapi ahlinya telah menjangkau angka 30,000 orang dari pertengahan Mac hingga Ogos 1896. Menurut Pio Valenzuela, pertambahan mendadak itu akibat kesan *Kalayaan* kepada penduduk Filipina.¹¹⁹

Hasil karya Bonifacio, Emilio Jacinto dan lain-lain nasionalis Filipina yang disiarkan dalam *Kalayaan* telah memberikan semangat baru kepada para pembaca. Artikel-artikel dan sajak-sajak dalam akhbar *Kalayaan* membincangkan mengenai agama, cinta kepada *motherland*, kebebasan dan keadilan, mengubah pemikiran dan minda orang

¹¹⁷Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, *op.cit.*, hlm. 286.

¹¹⁸Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 215.

¹¹⁹Reynaldo Clemena Ilete, *op.cit.*, hlm. 102.

Filipina. Rata-rata *Kalayaan* menyarankan bahawa orang Filipina tiada cara lain melainkan melalui suatu revolusi sahaja dapat menentang Sepanyol jika inginkan kebebasan. Artikel-artikel yang diterbitkan dalam *Kalayaan* ini ternyata bertemakan revolusi mempengaruhi ahli-ahli Katipunan menjadi lebih radikal. Lantaran daripada pengaruh *Kalayaan* inilah orang Filipina daripada pelbagai daerah datang beramai-ramai untuk menyertai Katipunan.¹²⁰ Mereka mula berganding bahu membuat persediaan untuk melancarkan revolusi. Pelbagai surat dan risalah revolusionari diedarkan secara rahsia di kalangan ahli-ahli.

Satu lagi inovasi dalam keahlian Katipunan ialah penerimaan kemasukan kaum wanita dalam persatuan. Wanita dianggap sebagai “*helpers and partners in the hardships of life*”¹²¹ Wanita yang berpatriotik digalakkan menyertai Katipunan untuk menjalankan kerja-kerja perkeranian, merekrut ahli baru, bertugas sebagai agen sulit. Marina Dizon (presiden bagi wanita) bertanggungjawab dalam urusan surat-menyurat rahsia dan dokumen penting Katipunan.¹²² Kemasukan kaum wanita ke dalam Katipunan sebenarnya, adalah untuk menghilangkan syak wasangka terhadap para suami atau kaum lelaki yang terpaksa keluar malam terlibat dalam aktiviti rahsia.¹²³

¹²⁰ Sejak penerbitan *Kalayaan* pada Mac 1896, kerap berlaku pertemuan di kalangan ahli pada waktu malam untuk menerima masuk ahli baru dan mengadakan mesyuarat di kawasan Manila. Dengan pertemuan yang kerap ini, masyarakat mula peka kepada keadaan sebenar. Keadaan ini juga merisaukan pihak Sepanyol. Unit polis khas ditubuhkan oleh Gabenor Jeneral Blanco untuk mengawasi orang-orang yang disyaki atau kumpulan yang sering mengadakan perjumpaan yang mencurigakan. Antara kawasan yang berisiko tinggi ialah Kawit. Golongan paderi mula mengesyaki perjumpaan yang kerap di situ. Tetapi pemimpin-pemimpin Katipunan selalu dapat mengalakan perhatian golongan paderi dengan menyatakan, orang-orangnya sedang bermain judi. Sila rujuk Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 224.

¹²¹ *Ibid.*, hlm. 212.

¹²² Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 226.

¹²³ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 212.

3.8 Kemunculan Golongan *Bayani* (Hero)

Dalam mengkaji pengambilan keahlian dalam Katipunan ciri-ciri *masonry* jelas terdapat.¹²⁴ “*A neophyte was subjected to a series of orders to test his loyalty and abnegation, and was then made to sign an oath with blood taken from one arm.*”¹²⁵ Di mana upacara untuk pengambilan ahli baru dijalankan dalam bilik gelap dengan penuh mengerunkan. Dalam keadaan cahaya samar dalam bilik itu, di hadapan ahli baru itu diletakkan sepucuk senapang, *bolo* dan tengkorak. Dalam buku catatan Santiago V. Alvarez beliau menceritakan pengalaman menghadiri upacara penerimaan ahli baru bersama-sama Emilio Aguinaldo dan Raymundo Mata seperti berikut :

“We were led into a room in the inner part of the house, on a table covered with black cloth were a skull and crossbones were the following paraphernalia : a new long bladed weapon, an old revolver, a small knife with a sharp edge, a new pen, a copy of the Katipunan ‘Primer’, and a sheet of paper on which were written blood-colored characters. On both sides of the table were Katipuneros blind folded with black cloth. On the wall behind the skull was a rectangular banner of black cloth on which was the same motif of human skull and crossbones. Above the banner were three letter K’s arranged as in a tripod; all were in white paint.”¹²⁶

Proses kemasukan keahlian dalam Katipunan dilakukan secara rahsia dengan beberapa upacara yang mengerunkan dan menakutkan agar menarik perhatian ahli-ahli. Antara upacara ialah seperti mencium tengkorak. Tujuannya adalah untuk menakutkan mereka yang lemah lembut dan diharap mereka akan takjub dan patuh kepada Katipunan.¹²⁷ Ahli-ahli Katipunan juga percaya bahawa setengah-setengah pemimpinnya

¹²⁴Blair and Robertson juga menyatakan, Katipunan tidak lain daripada sebuah persatuan yang dibentuk dengan prinsip-prinsip masonik dan penyebaran secara meluas di kebanyakan daerah, menyukarkan lagi keadaan. Malah menurutnya lagi punca sebenar pemberontakan yang berlaku di Filipina ialah kerana kerajaan membenarkan kemasukan idea liberal dan kebebasan serta penyebaran doktrin masonik yang telah mengurangkan perhatian terhadap agama dan penghormatan terhadap orang Sepanyol. Sila rujuk Emma Helen Blair and James Alexander Robertson, *The Philippine Islands, 1493-1898*, Vol. LII (52), Cleveland : The Arthur H. Clark Co., 1903-1909, hlm. 24.

¹²⁵Teodoro M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 10.

¹²⁶Santiago V. Alvarez, *op.cit.*, hlm. 5.

¹²⁷Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 215.

mempunyai kekebalan kerana tangkal dan sihir yang mereka miliki. Melalui tangkal seperti ini dijangkakan persatuan rahsia ini akan kelihatan lebih mengerunkan.¹²⁸ Matlamat sebenar upacara begini ialah untuk memberikan sifat keberanian kepada ahli-ahli sebagai persediaan menghadapi musuh dengan berani dalam revolusi yang akan dilancarkan kelak.

Ahli-ahli baru juga akan diajukan 3 soalan asas¹²⁹ iaitu, apakah keadaan Filipina pada masa lampau? Bagaimana keadaan sekarang? dan Bagaimana keadannya pada masa akan datang? Jawapan yang harus diberikan adalah, orang Filipina hidup bahagia dan bebas sebelum kedatangan Sepanyol. Selepas kedatangan penjajah Sepanyol, khasnya golongan paderi langsung tidak berusaha untuk memajukan orang Filipina. Dan pada masa akan datang, Filipina akan bebas daripada kekejaman dan kezaliman Sepanyol.

“they had done nothing more than teach the forms of catholicism in its shallow trappings, blinding the Filipinos with the apparatus of magnificent religious festivals which cost them so much and benefit only the friars.”¹³⁰

Soalan-soalan ini dikemukakan dengan harapan, ia dapat menyedarkan orang Filipina dan seterusnya membangkitkan semangat untuk menentang penjajah dan akhirnya akan menjadikan matlamat Katipunan untuk mendapatkan kemerdekaan menjadi kenyataan.

Selepas sesi soalan tersebut, ahli baru itu akan membuat perjanjian darah dengan mengangkat sumpah seperti berikut :

“I hereby swear in the name of God and of the country that I will defend with full courage the objectives of the Highest and Most Respectable Society of the Sons of the People, keep all its secrets that I see and hear, follow it blindly, help all the brothers in all dangers and needs. I hereby swear and promise too, to respect its leaders, not to be faithless to their orders and instructions, and I sign the document before me with my own blood, which I voluntarily spill.”¹³¹

¹²⁸ *Ibid.*

¹²⁹ Exhibit 10, P.I.R., *op.cit.*

¹³⁰ Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses, op.cit.*, hlm. 49.

¹³¹ *Ibid.*, hlm. 50.

Upacara mengangkat sumpah itu sendiri sudah memberi gambaran yang cukup betapa ketaatan terhadap *motherland* dijadikan pegangan ahli-ahli tersebut. Perjanjian darah di antara ahli-ahli persatuan untuk menyatukan semua orang Filipina ke arah satu tujuan iaitu untuk mengusir keluar orang Sepanyol dari bumi Filipina. Perjanjian darah tersebut adalah satu bukti menunjukkan mereka masih berpegang kepada tradisi dan mengekalkan amalan istimewa mereka. Orang yang membuat perjanjian itu mesti kukuh pendirian dan tidak boleh mengingkari apa yang telah dijanjikan. Penggunaan darah itu sendiri adalah lambang taat setia dan kepatuhan di tahap tertinggi. Selepas upacara itu, ahli baru akan diberikan nama simbolik.¹³² Seterusnya ahli-ahli baru itu akan diberikan taklimat ringkas seperti berikut :

“We the Sons of the People established this association in order to redeem the Mother Country from slavery. As such it is imperative that we should be united, that we should look up to each other as more than mere brothers, to help each other in any emergency, and always consider that all of us are of the same colour and race. This is our real origin: that we are not of different races we are not only relatives, but also true sons of one mother.”¹³³

Melalui taklimat tersebut ahli-ahli Katipunan diterapkan konsep sebagai suatu bangsa yang sama; mempunyai matlamat yang sama; semua masyarakat adalah sama taraf iaitu sebagai rakyat Filipina. Dengan mempunyai semangat nasionalisme ini, maka mereka akan berjuang untuk satu tujuan yang sama iaitu untuk menjatuhkan rejim penjajah dari *motherland* mereka. Sentimen patriotisme ini dikukuhkan dalam salah satu peraturan persatuan Katipunan.

“...Every one who is admitted to the membership of this association must first renounce the life that he has heretofore lived, and submit himself to the just rules of the society.(“katipunan”)...”¹³⁴

¹³²Contoh nama simbolik bagi Bonifacio ialah *May Pagasa*; Jacinto sebagai *pinkian*; Emilio Aguinaldo sebagai *Magdalo* dan Artemio Ricarte sebagai *Vibora*. Nama simbolik juga diberi kepada setiap daerah seperti *Magdalo* bagi Cavite Viejo; *Magdiwang* bagi Noveleta; *Magwagi* bagi Naic dan sebagainya. Sila rujuk Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses* op.cit., hlm. 49.

¹³³Ibid.

¹³⁴Exhibit 11b, P.I.R. 1190.3., op.cit.

Walaupun golongan *ilustrado* memandang rendah terhadap golongan massa, tetapi Bonifacio telah melihat keazaman Katipunan dan kuasa hebat yang ada pada golongan massa. Bonifacio menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh golongan massa, berjaya menyentuh hati dan mempengaruhi mereka untuk bersatupadu ke arah perjuangan radikal. Sungguhpun Bonifacio kurang berpendidikan namun beliau berjaya memahami perasaan dan naluri hati golongan massa dan dapat menonjolkan kuasa terpendam yang ada dalam diri mereka.¹³⁵ Beliau berjaya menyediakan sepenuhnya golongan massa untuk menghadapi revolusi.¹³⁶ Jelaslah hanya Bonifacio menjadi pemimpin yang berjaya dan mampu menyatukan golongan massa untuk berjuang ke arah menentang penjajah.

Pada peringkat awal penubuhan Katipunan, penyertaan golongan *ilustrado* amat rendah sekali. Memandangkan Katipunan dianggotai majoriti golongan pekerja, ini menyukarkan penyertaan dari kalangan *ilustrado*.¹³⁷ Oleh kerana golongan *ilustrado* menikmati kehidupan yang lebih baik daripada golongan massa mereka tidak mengalami penderitaan yang sebenar. Sebab itu, walaupun golongan *ilustrado* menyokong Katipunan, tetapi mereka terlalu mahu berkompromi. Sebaliknya golongan massa menyertai Katipunan dengan begitu mudah kerana tertarik dengan matlamat Katipunan yang memperjuangkan pemisahan.

“Workers and peasants, in contrast, were naturally drawn to the Katipunan. They could easily identify themselves with its founder and its aims. They spoke its language. The mere fact that the secret society’s name, application form, regulations, initiation rites, and publication were all in Tagalog was a clear indication of the kind of membership Bonifacio had in mind.”¹³⁸

¹³⁵ Rodolfo G. Tupas, *op.cit.*, hlm. 15.

¹³⁶ *Ibid.*

¹³⁷ Kebanyakan ahli terdiri daripada pelbagai sektor pekerjaan seperti kilang rokok, firma perkapalan, percetakan, perniagaan dan lain-lain bidang komersil dan kerajaan yang berpusat di Manila. Para petani dan peniaga kecil juga menyertai Katipunan. Di samping itu, tiada seorang ahli Majlis tertinggi Katipunan terdiri daripada kelas pertengahan atau kelas aristokrat. Bonifacio adalah seorang buruh; Arellano, Plata, Diwa dan Diaz adalah kerani mahkamah. Kemudian keahlian meningkat daripada kelas bawahan khususnya dari kalangan Tagalog. Sila rujuk Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, *op.cit.*, hlm. 45 dan Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 215.

¹³⁸ Alejo L. Villanueva, *op.cit.*, hlm. 29.

Namun ini tidak bermakna golongan *ilustrado* langsung tidak menyokong perjuangan Katipunan. Terdapat juga golongan *ilustrado* seperti Edilberto Evangelista yang menyokong Katipunan dengan menyatakan, Revolusi bukan urusan ahli Katipunan sahaja malah ia adalah matlamat setiap penduduk yang cintakan *motherland* mereka.

“Let us not think that the Revolution is an affair of the Katipunan alone. instead of a struggle expressing the true sentiments of the entire nation. While still a student in Europe I already wished for Revolution, and yet I was not a Katipunero. Let us not ignore the fact that... above all, the revolution is that of all the people who love their native land, including those who, even if they were not Katipuneros, voluntarily joined the struggle, to make sacrifices for the redemption of their *Motherland*...”¹³⁹

Sebenarnya ahli-ahli Katipunan dibahagikan kepada beberapa tahap mengikut sistem *masonry* iaitu membahagikan ahli-ahlinya kepada 3 tahap.¹⁴⁰

- i. Katipunan (ahli) - ahli-ahli memakai tudung kepala berwarna hitam. Password ialah *Anak ng Bayan* (Son of the Nation)
- ii. Kawal (tentera) - ahli-ahli memakai tudung kepala berwarna hijau. Password ialah GOM - BUR - ZA sempena memperingati tiga paderi yang terkorban dalam pemberontakan Cavite.
- iii. *Bayani*(hero/patriot)- ahli-ahli memakai topeng berwarna merah dan kain selempang berwarna hijau yang menandakan keberanian dan harapan. Password ialah Rizal.

Dalam tiga tahap tersebut, *bayani* adalah tahap paling tinggi sekali. Setiap ahli diseru agar mencapai tahap *bayani* iaitu dianggap sebagai hero. Untuk mencapai tahap ini, mereka mesti mempunyai sifat keberanian dan patriotisme yang tinggi dalam diri mereka. Katipunan menekankan sifat keberanian dan sifat cintakan *motherland* supaya mereka dengan bersemangat akan menentang penjajah dan sanggup mengorbankan diri. Dengan sebab itu, Katipunan menjadi pusat latihan untuk melahirkan golongan *bayani*.

¹³⁹ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 223.

¹⁴⁰ *Ibid.*, hlm. 51.

Kalau *masonry* terkenal dengan keberaniannya, kumpulan *bayani* yang cuba dibentuk oleh Bonifacio adalah lebih daripada itu. Ini kerana selain mementingkan keberanian, cinta terhadap *motherland* dianggap suatu kemestian. Dengan adanya cinta terhadap *motherland* ini sifat keberanian dapat disalurkan dengan cara yang betul untuk membentuk sebuah negara yang bebas dari penjajah. Bukan mudah untuk mencapai tahap *bayani* tetapi itulah yang benar-benar diharapkan kepimpinan Katipunan dalam mencapai matlamat mereka. Dapatlah dirumuskan konsep patriotisme yang sedia wujud itu perlu disertai dengan sifat sanggup berkorban untuk negara. Dalam hal ini ketaatan golongan *bayani* amat dikagumi. Revolusi amat memerlukan pengorbanan dan keberanian seperti golongan *bayani* dan hakikat ini cukup disedari oleh Bonifacio. Bagi beliau revolusi tidak akan mencapai objektifnya selagi ia tidak mempunyai golongan *bayani* yang mencukupi. Atas kesedaran inilah, beliau menekankan konsep keberanian dan ketaatan kepada *motherland* haruslah beriringan. Di sinilah terletak pembaruan dan perubahan corak perjuangan yang diperjuangkan oleh beliau. Katipunan bukanlah sekadar sebuah pertubuhan revolusioner tetapi ia juga merupakan sebuah pusat pengubah minda penduduk tempatan daripada bersifat statik terhadap apa yang berlaku di keliling mereka kepada sifat aktif di mana merekalah yang bertanggungjawab untuk mencapai hasrat membentuk sebuah negara yang bebas. Sekiranya usaha mereka ini mendapat banyak halangan, mereka tidak harus teragak-agak untuk menggunakan kekerasan. Ini kerana cinta kepada *motherland* mewajarkan tindakan sebegitu.

Sifat keberanian ahli-ahli Katipunan iaitu golongan *bayani* terserlah apabila pada pertengahan tahun 1894 pemimpin-pemimpin nasionalis Katipunan mula berani bercakap dengan terbuka tentang idea revolusi dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan. Pada 12 April 1895, Bonifacio membawa sekumpulan ahli Katipunan ke gunung Montalbau untuk

didaftarkan sebagai ahli baru. Ahli Katipunan menulis dalam Gua Pamitinan dengan perkataan “*Viva la Independencia de Filipinas!*” (Long Live Philippine Independence).¹⁴¹ Peristiwa ini merupakan titik pertama orang Filipina untuk mendapatkan kebebasan dan asas kepada tindakan yang berbentuk pemberontakan.

Untuk mendapatkan sokongan padu orang Filipina, Bonifacio menggunakan pengaruh Rizal untuk revolusi yang bakal dilancarkan. Walaupun Rizal tidak menyokong idea revolusi, tetapi ahli-ahli Katipunan memberikan penghormatan yang tinggi kepada beliau. Ketika kegiatan Katipunan giat berjalan, Rizal berada dalam buangan di Dapitan. Beliau dijadikan presiden kehormat Katipunan. Nama Rizal sering digunakan untuk merekrut ahli-ahli ke dalam Katipunan. Gambar beliau juga digantung di semua dewan lodge tanpa kebenaran dan pengetahuan Rizal. “*The magic of Rizal’s name used to attract the easily deluded masses who were ignorant and restless.*”¹⁴²

Pada tahun 1896, Bonifacio menghantar seorang wakil ke Dapitan iaitu Pio Valenzuela, fiscal Katipunan untuk berjumpa dengan Rizal dan mendapatkan nasihat daripada beliau tentang revolusi. Valenzuela telah melaporkan kepada Rizal bahawa ahli telah bertambah sebanyak 30,000 orang.¹⁴³ Dia telah mencadangkan idea revolusi kepada Rizal. Tetapi Rizal menolak dengan menyatakan, “*...that the path to follow, for the present at least, was that of evolution, not to revolution.*”¹⁴⁴ Dia juga menyatakan Katipunan tidak

¹⁴¹ Teodoro M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 13.

¹⁴² Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 224.

¹⁴³ Angka ini sebenarnya tidak tepat kerana ada sejarahwan menyatakan antara 15,000 – 43,000 orang. Rujuk Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 216.

¹⁴⁴ Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm 224.

cukup persediaan, kerana kekurangan senjata, kapal, dan yang penting perlu mendapatkan sokongan daripada golongan kaya dan aristokrat.¹⁴⁵

Walaupun Rizal tidak menyokong revolusi, tetapi Bonifacio masih menghantar Jacinto untuk membebaskan Rizal pada bulan Ogos 1896. Ini menunjukkan Bonifacio masih memberikan penghormatan tinggi kepada Rizal. Bonifacio merancang membawa Rizal keluar kerana ingin melantiknya sebagai pemimpin revolusi. Tetapi sekali lagi Rizal menolak dengan alasan belum sampai masa untuk revolusi.¹⁴⁶ Rizal juga tidak percaya dalam pertumpahan darah dan berasa Filipina masih tidak bersedia untuk mendapat kemerdekaan.¹⁴⁷ Malangnya Rizal gagal dipujuk kerana beliau masih tegas dengan prinsip perjuangan tanpa keganasan. Walaupun Rizal tidak menyokong idea revolusi, tetapi ahli-ahli Katipunan telah bersiap sedia untuk melancarkan revolusi di Filipina.

Gerakan nasionalisme yang bermula pada pertengahan kedua abad ke 19 memperlihatkan hasrat para nasionalis Filipina untuk mencapai penyatuan dengan Sepanyol serta menuntut persamaan hak seperti mana yang dimiliki oleh orang Sepanyol di negara asal mereka. Pada tahap ini idea yang digunakan adalah bersifat pasif dimana tuntutan dikemukakan secara diplomasi serta tuntutan-tuntutan melalui saluran-saluran rasmi yang dipercayai dapat membantu menunaikan hasrat ini. Penahanan pelopor idea gerakan nasionalis pasif iaitu Rizal telah membuka ruang kepada gerakan yang berbentuk aktif. Katipunan yang ditubuhkan pada tahun 1892 bukan sahaja merupakan pertubuhan politik berbentuk agresif tetapi juga merupakan lambang perjuangan secara revolusi. Perlu diingat

¹⁴⁵ Selepas Valenzuela pulang ke Manila, dia bersama Bonifacio dan Jacinto telah bercadang untuk menghantar seorang pegawai Katipunan untuk mendekati orang kaya Filipina untuk mendapatkan bantuan kewangan untuk membeli senjata dan peluru. Apabila usaha mereka gagal untuk mendapatkan sokongan golongan kaya, *secret chamber* telah mengeluarkan berita palsu bahawa ramai orang kaya dan aristokrat Filipina menjadi pengasas dan ahli Katipunan. *Ibid.*

¹⁴⁶ Rodolfo G. Tupas, *op.cit.*, hlm 15.

¹⁴⁷ Exhibit 13, P.I.R. , *op.cit.*

Katipunan banyak menguasai ciri-ciri dan amalan gerakan *masonry* yang telah bertapak dengan kukuh sebelum itu. Bonifacio menjadi pelopor dalam gerakan nasionalis aktif. Peralihan daripada idea pasif ke aktif adalah juga disebabkan oleh kegagalan para nasionalis yang mempunyai idea pasif untuk mencapai matlamat mereka. Bolehlah dikatakan Katipunan yang ditubuhkan bermatlamat menggunakan kekerasan dalam perjuangannya adalah langkah alternatif setelah kegagalan pejuang nasionalisme yang berbentuk pasif. Kegagalan inilah yang mendorong Bonifacio untuk berfikir bahawa kekerasan adalah cara terbaik.

Keberanian yang dituntut oleh Katipunan daripada ahli-ahlinya adalah sesuatu yang luar biasa. Hanya mereka yang benar-benar mempunyai semangat berkorban untuk negara yang akan menyahut seruan Katipunan. Keperwiraan golongan *bayani* misalnya, telah menjadi senjata utama untuk Bonifacio meneruskan cabaran. Golongan ini benar-benar telah menunjukkan semangat untuk membebaskan negara mereka. Keberanian golongan ini telah memberi perangsang kepada Bonifacio, malah beliau sendiri cukup yakin kemenangan akan berpihak kepada Katipunan. Berbekalkan kesedaran kebangsaan yang telah sedia wujud dari zaman Rizal ditambah pula dengan propaganda Bonifacio yang menyeru rakyat berkorban demi negara, serta keberanian yang sungguh luar biasa oleh golongan *bayani*, kesemua ini telah menjadi intipati untuk kewujudan sebuah revolusi yang merupakan satu gambaran luahan ketidakpuasan hati rakyat. Revolusi yang dimaksudkan itu, akhirnya berlaku juga pada tahun 1896 di bawah kepimpinan Bonifacio dan disertai oleh ahli-ahli Katipunan khasnya golongan *bayani* dengan penuh semangat.